

06 JUN 1996

PM SAMPAIKAN ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG KEPADA 142 KAKITANGAN KDN

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri hari ini menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada 142 orang kakitangan Kementerian Dalam Negeri.

Majlis itu diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah kedua-dua Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Encik Ong Ka Ting. -- BERNAMA

RHM NAK